

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NASIONAL**

**Nasional**Rabu, 20 November 2024 **Sidang Dewan Rakyat**

# KKM jamin tak lagi hadkan satu syarikat bekalan insulin

**Langkah bagi pastikan masalah bekalan terjejas tidak berulang**

Laporan Fahmy A Rosli dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan tidak akan sesekali mengizinkan hanya satu kontrak pembekalan insulin manusia diberikan kepada sebuah syarikat, bagi memastikan keterjaminan bekalan ubat itu di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menyedari 'kesilapan' itu apabila bekalan insulin manusia dalam pasaran negara ini pernah terjejas berikutan sebuah syarikat luar negara iaitu, Biocon yang bekerjasama dengan pihaknya tidak mampu lagi membekalkan ubat itu.

Pada masa sama, beliau berkata pihaknya juga akan melihat alternatif ubat lain seperti ejen antidiabetik contohnya insulin analog meskipun harganya tiga kali lebih mahal berbanding insulin manusia.



Dr Dzulkefly pada Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Penerangan)

"Apabila kita mempunyai mendasar meletakkan semua telur dalam satu bakul, memang akan mempunyai risiko. Jadi pertamanya, yang hendak saya sebutkan adalah kita tidak akan mahu (berlaku) dalam situasi seumpama itu.

"Dulu Biocon sebuah syarikat luar negara yang membuat JV (kerjasama). Sementara Novo-nordisk membekalkan insulin manusia itu dari luar, diimport. Mereka juga mengambil sikap

untuk tidak menerusi bekalan mereka. Jadi kita berdepan dengan suasana itu.

"Pastinya untuk ke depan nanti, kami tidak akan mengizinkan untuk hanya memberikan satu kontrak hanya kepada satu syarikat dalam membekalkan hal seperti insulin manusia.

"Jadi kita berdepan dengan suasana itu. Pastikan untuk ke depan nanti kami tidak akan mengizinkan untuk hanya memberikan satu kontrak hanya kepada

satu syarikat dalam membekalkan hal seperti insulin manusia ini," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

**Cadang insulin analog**

Beliau menjawab soalan tambahan dikemukakan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) yang mendedahkan negara pernah mengalami kekurangan bekalan insulin manusia khususnya di fasiliti KKM dan mahu mengetahui usaha kerajaan untuk memastikan situasi itu tidak berulang lagi bagi memastikan keterjaminan kesihatan rakyat.

Selain bergantung kepada insulin manusia, Dr Alias mencadangkan agar KKM melihat semula penggunaan insulin analog yang harga lebih mahal sambil menggesa kerajaan membuat satu kajian bagi memastikan ubat itu mampu milik.

Mengulas cadangan itu, Dr Dzulkefly berkata pihaknya sememangnya menyedari mengenai wujudkan insulin analog meskipun harga mahal.

Beliau berkata, pihaknya sedang berunding dan akan terus berbuat demikian untuk memastikan bekalan insulin tidak terjejas lagi pada masa akan datang.

"Kita akan memperkembangkan sumber (bekalan insulin)," katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BFI Rabu, 20 November 2024

Nasional

9

## Al-Sultan Abdullah syor haramkan penggunaan vape

**Kuantan:** Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyarankan agar penggunaan rokok elektronik atau vape diharamkan secara total.

Baginda bertitah, saranan itu dibuat susulan kebimbangan baginda terhadap penyalahan dadah yang semakin meningkatkan di Pahang, terutama dalam kalangan belia berdasarkan statistik oleh Agenstis Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Titah baginda, antara punca utama golongan muda terjebak dalam ketagihan dadah secara langsung dan tidak langsung bermula dengan penggunaan vape.

"Alat vape ini adalah alat yang merosakkan kesihatan. Saya akan menyuarakan kepada ke-

rajaan supaya vape perlu diharamkan secara total.

"Tidak perlu diberi pertimbangan sewajarnya, bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia, i titah baginda.

Al-Sultan Abdullah bertitah demikian pada Majlis Pengurnian Anugerah Kecemerlangan Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) 2024 di Kuantan, Kelmarin.

Turut berangkat Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Pada majlis itu, Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan kebimbangan berhubung masalah penyalahan dadah di Pahang.

Baginda bertitah, ini kerana Pahang kini menduduki kedudukan kelima teratas di seluruh negara dengan 11,750 penagih



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurnikan Anugerah Kecemerlangan SPM 2023 kepada Akif Ibrahim pada Majlis Pengurnian Anugerah Kecemerlangan Maahad Tahfiz Negeri Pahang 2024 di Kuantan, kelmarin. Turut berangkat, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

(FOTO BERNAMA)

berdasarkan statistik AADK.

Titah baginda, sebanyak 57 peratus daripada jumlah penagih tertabit berrusuk antara 15 dan 30 tahun.

"Saya baru dapat taklimat da-

ri pada AADK yang mana di Pahang ini, kita nombor lima teratas yang mempunyai penagih dadah. Kebimbangan saya terhadap masalah dadah, khususnya

di sekolah-sekolah di Pahang.

"Saya bimbang kalau ini tidak diambil perhatian, mungkin angka ini akan bertambah," titah baginda.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 11**  
**RUANGAN : KOMENTAR**

BHF Rabu, 20 November 2024

Komentar

11

# Perhebat agenda selamatkan kanak-kanak ketagih vape, rokok

Oleh Dr Siti Idayu Hasan dan Prof Madya Dr Farizah Mohd Hairi  
 bhrenanca@bh.com.my



Pensyarah di Jabatan Perubatan Kemasanakan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya

Hari ini amat istimewa bagi setiap warganegara kerana kita meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2024 bertemakan 'Bagi setiap kanak-kanak, ada haknya'. Antara hak paling utama kanak-kanak adalah kesihatan, pendidikan berkualiti dan perlindungan daripada pengaruh berbahaya.

Hari ini, salah satu ancaman paling bahaya kepada kesihatan kanak-kanak adalah peningkatan penggunaan rokok elektronik dan vape dalam kalangan remaja.

Aktar Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2024 (Akta 832), yang baru dilaksanakan pada 1 Oktober lalu, menyediakan rangka kerja undang-undang sangat penting untuk menangani isu ini.

Namun, undang-undang sahaja tidak mencukupi sebaliknya kita perlu memanfaatkan pendidikan dan media sosial sebagai sekutu kuat dalam perjuangan ini.

Penggunaan vape mendapat populariti membumbangkan dalam kalangan remaja, ditambah lagi dengan tempoh masa banyak dihabiskan generasi muda di media sosial.

Platform ini bukan sekadar saluran untuk berhubung, tetapi medan pertempuran yang mana kesihatan anak muda kian terancam. Industri tem-

bakau, dengan sejarahnya menyasarkan golongan rentan, kini menggunakan media sosial untuk menarik pengguna muda ke dalam kitaran ketagihan nikotin.

Kajian mengaitkan penggunaan vape dengan masalah kesihatan teruk, seperti masalah pernafasan, penyakit jantung dan kemerosotan kognitif.

Generasi muda yang mula menggunakan vape sering kali berisiko beralih kepada rokok tradisional atau menjadi pengguna kedua-dua produk. Ini meningkatkan lagi risiko ketagihan jangka panjang.

Sifat ketagihan nikotin boleh mempengaruhi perkembangan otak remaja, termasuk tumpuan, ingatan dan pengawalan mood. Tanpa intervensi tepat pada masanya, kesan fizikal dan mental akibat vape boleh menyebabkan cabaran sepanjang hayat.

Ibu ini turut mendapat perhatian Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang turut menyayarkan penggunaan rokok elektronik atau vape diharankan secara total.

## Pendedahan di media sosial

Kajian menunjukkan pendedahan kepada kandungan pro-vape di media sosial berkait langsung dengan peningkatan penggunaannya dalam kalangan belia.

Bagi menghadapi cabaran ini, media sosial turut menawarkan peluang baik untuk mendekati generasi muda. Kajian menunjukkan keberkesanannya dalam anti-vaping disasarkan di media sosial.

Satu kempen selama 60 hari di platform seperti

Facebook dan Instagram berjaya mengubah sikap generasi muda terhadap penggunaan vape, dengan peserta melaporkan niat lebih rendah untuk menggunakan dan meningkatnya ketidakpercayaan terhadap industri tembakau.

Kerjasama dengan pempengaruh popular yang menyokong kehidupan sihat tanpa vape dapat memperkuat mesej ini. Institusi pendidikan juga memainkan peranan penting.

Sekolah perlu memasukkan pelajaran komprehensif bahaya vape dalam program kesihatan mereka, sambil menggunakan media sosial menjangkau pelajar di luar bilik darjah.

Pembuat dasar mestil melaksanakan peraturan ketat terhadap pengildanan media sosial dan memantau pemasaran pempengaruh untuk melindungi generasi muda secara berkesan.

Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2024 hari ini, marilah kita menghormati komitmen untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat pengetahuan dan sumber daya membuat keputusan bijak kesihatan mereka. Selain pendidikan, kanak-kanak perlu membina ketahanan untuk berkata 'TI-DAK' kepada vape walaupun terdapat tekanan dari rakan, keluarga atau komuniti.

Marilah kita bersatu melindungi hak setiap kanak-kanak kepada masa depan yang bebas dari risiko vape dan ketagihan nikotin. Bersama-sama, kita dapat memperjuangkan hari esok lebih selamat dan sihat setiap kanak-kanak mengikut haknya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

Naik ke RM3 bilion dalam tempoh lapan tahun

## Belanja beli ubat meningkat 30 peratus

DEWAN RAKYAT



Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Dewan Rakyat dimaklumkan perbelanjaan bagi pembelian ubat-ubatan pada tahun 2023 meningkat 30 peratus dalam tempoh lapan tahun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, peningkatan RM3 bilion berbanding RM2.3 bilion pada 2015 itu antaranya disebabkan kenaikan harga ubat-ubatan.

Menurut beliau, pertambahan bilangan pesakit dan penggunaan ubat baharu mengikut kepakaran yang lazimnya masih dalam tempoh paten dan harga ubat lebih mahal juga menyumbang kepada kenaikan tersebut.

"Menurut Laporan Statistik Program Perkhidmatan Farmasi, sebanyak RM23.25 bilion dibelanjakan untuk membeli ubat sejak 2015 sehingga 2023," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Azli Yusof (PH-Shah Alam) berhubung jumlah perbelanjaan tahunan pembelian ubat-ubatan bagi hospital dan klinik kerajaan bermula 2015.

Dr. Dzulkefly berkata, beberapa strategi dibangunkan berpaduan Dasar Ubat Nasional (DU-

Nas) di bawah Komponen Akses Kepada Ubat-Ubatan.

"Antaranya memastikan ketersediaan ubat-ubatan di bawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan (NEML) menerusi galakan lebih banyak pengilangan tempatan.

"Strategi lain termasuk memberi keutamaan kepada penilaian dan pendaftaran produk serta menambah baik ketelusan rantai bekalan melalui pembangunan sistem penjekalan dan pengesanan produk farmaseutikal," katanya.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan malah sedang bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam ekosistem farmaseutikal bermula daripada penemuan, kajian praklinikal dan klinikal, pengilangan dan pengedaran.



KENAICKAN harga ubat-ubatan meningkat kepada RM3 bilion berbanding RM2.3 bilion dalam tempoh lapan tahun. — GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

16 Negara!



SIVANESAN (dua dari kanan) memeriksa penyediaan makan di kafeteria Hospital Teluk Intan semalam.

Bagi menjamin dan menjaga kesihatan orang ramai

## Perak kaji operasi restoran 24 jam

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**TELUK INTAN** — Operasi restoran makanan 24 jam dikaji semula terutamanya melibatkan soal pengambilan makanan, keselamatan dan kebersihan yang sukar dikawal memberi risiko kepada kesihatan seseorang.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan menegaskan, operasi restoran makanan selama 24 jam boleh menyebabkan bilangan pelanggan yang tinggi selain perlu me-

nyediakan makanan setiap masa.

Katanya, situasi itu menyebabkan pekerja restoran tidak ada masa untuk membersihkan dapur menyebabkan ia tidak bersih.

"Ini memang tidak sihat. Mungkin kerajaan (negeri) membentarkan dua jenis operasi pada waktu siang dan malam dengan tempoh maksimum 12 jam dan selepas waktu itu harus ditutup.

"Dia kena pilih pukul berapa sampai pukul berapa tetapi beroperasi hanya 12 jam sahaja," katanya semasa sidang akhbar pada Majlis Pelancaran Wor On Sugor Peringkat Negeri Perak

dan Program Kesihatan Warga Emas di Hospital Teluk Intan (HTI) di sini semalam.

Katanya lagi, waktu operasi restoran 24 jam ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan beliau akan membawa perkara itu semasa mesyuarat kerajaan negeri nanti.

"PBT dan akan bawa Isu ini semasa mesyuarat kerajaan negeri dan bagi arahan jangan bagi lesen operasi 24 jam.

"Kebanyakan restoran Cina pukul 9 hingga 10 malam dah tutup, mereka ada masa bersih dapur," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM belanja RM23.25 bilion beli ubat

KUALA LUMPUR - Sebanyak RM23.25 bilion dibelanjakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membeli ubat-ubatan sejak 2015 sehingga 2023.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkelly Ahmad berkata, pembelian ubat-ubatan pada 2023 juga meningkat sebanyak 30 peratus dalam tempoh lapan tahun iaitu RM3 bilion berbanding RM2.3 bilion pada 2015.

"KKM juga mengunjurkan jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk menampung keperluan ubat-ubatan di fasiliti KKM akan meningkat dari tahun ke tahun," katanya di Dewan Rakyat, di sini pada Selasa.

Beliau menjawab pertanyaan Azli Yusof (PH-Shah Alam) mengenai jumlah keseluruhan perbelanjaan tahunan pembelian ubat-ubatan bagi hospital dan klinik kerajaan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pencemaran sisa ubat jeaskan jantina hidupan air

**PUTRAJAYA:** Pencemaran sisa kimia pelbagai jenis ubat bukan sahaja mengancam kualiti air Sungai Langat di Selangor, malah menjelaskan jantina hidupan di siaran ini.

Timbalan Pengarah Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Munira Muhammad berkata, hasil dapataran mengenai kandungan sungai ini pernah didekahkan berhubung

bahaya kualiti air di situ mengakibatkan sebahagian besar ikan berubah menjadi transgender.

Menurut beliau, menerusi kajian itu juga mendapati antara punca pencemaran ialah sikap masyarakat tidak bertanggungjawab membuang sesuka hati aneka ubat sehingga menyebabkan kesan buruk ke atas kesihatan manusia kerana sepanjang

Sungai Langat menempatkan tujuh buah loji rawatan air.

"Penyelidikan oleh pelbagai pakar luar turut menyenaraikan kekotoran sungai tersebut sehingga menduduki tangga ke-20 paling tercemar dengan bahan kimia.

"Masyarakat digesa untuk membuang ubat yang tidak dibutuhkan di lebih 700 premis farmasi di seluruh negara bagi

dilupuskan secara lestari dan selamat.

"Saya rayu tolong jangan buang dalam sinki, tandas, longkang atau tong sampah tetapi hantar kepada mana-mana lokasi yang ditetapkan oleh pihak kementerian," katanya pada Bengkel Bersama Media bersama Minggu Kesedaran Kerintangan Antimikrob (AMR) Sedunia di sini.

Malah tegasnya, setiap farmasi di klinik dan hospital termasuk swasta turut menyediakan kotak pemulangan segala jenis ubat yang tidak dihabiskan pesakit untuk dirimusahkan.

Langkah kecil itu kata Munira bukan sahaja menyelamatkan ekosistem bumi, tetapi membantu makhluk marin menikmati kehidupan yang lebih baik bebas pencemaran toksik.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 19**  
**RUANGAN : FORUM**

**Forum**

**PENGHIDAP obesiti**  
 selalu didapati  
 menghasilkan sperma  
 kurang pekat dan  
 tidak aktif. Akhirnya,  
 simptom ini boleh  
 merosakkan asid  
 deoksiribonukleik  
 (DNA) dalam sperma.  
 - AFP

## Obesiti punca rawatan kesuburan gagal

**OBESITI** diketahui pasti sebagai antara penyebab kegagalan rawatan kesuburan melalui kaedah persenyawangan in-vitro (IVF) dalam kalangan pasangan yang sedang berusaha untuk hamil atau dikenali sebagai TTC (percubaan hamil). Berat badan berlebihan pasangan sama ada kepada ibu, bapa atau kedua-duanya mengurangkan kualiti telur dan sperma yang dihasilkan.

Obesiti menjadi wabak yang menjejaskan masyarakat dan meningkatkan risiko mendapat penyakit lain termasuk jantung, darah tinggi, kencing manis, sehingga pada tahap tertentu berisiko kanker.

Kajian di seluruh dunia menunjukkan obesiti meningkatkan hormon yang dipanggil leptin, yang dihasilkan dalam tisu lemak.

Leptin mengganggu kesimbangan hormon dan menyebabkan kesuburan berkurangan. Dalam senario lain, wanita yang menghidap sindrom ovarи polisiistik (PCOS) juga mudah mengalami berat badan berlebihan hingga menghalang ovulasi atau tempoh subur.

Apabila pasangan mula menghadapi cabaran untuk hamil secara semula jadi, mereka berlalu kepada rawatan kesuburan. Secara amnya, doktor mengesyorkan pasangan untuk mengelakkan indeks jisim badan (BMI) antara 19 dan 30. Menurut beliau, penghidap obesiti wanita yang menjalani IVF mungkin memerlukan dos gonadotropin lebih tinggi kerana ia memberi tindak balas lemah kepada rangsangan ovarи, mengurangkan penurunan sel oocyte dan menyukarkan penempelan embrio.

Sementara itu, penghidap obesiti selaku didapati menghasilkan sperma kurang pekat dan tidak aktif. Akhirnya, simptom ini boleh merosakkan asid deoksiribonukleik (DNA) dalam sperma.

Pasangan TTC perlu mengubah cara hidup masing-masing demi kesihatan mereka secara keseluruhannya sekaligus mampu meningkatkan peluang untuk hamil. Pengurusan berat badan yang baik

menekankan kepentingan pada diet seimbang dengan pengambilan protein dan serat yang lebih tinggi, di samping mengurangkan pengambilan gula, tenusu, garam serta bahan-bahan yang diproses.

Ini dilukti dengan kekerapan melakukan aktiviti fizikal untuk membantu dalam penurunan berat badan sekali gus mengekalkan kesejahteraan umum.

Rawatan perubatan termasuk ubat anti-obesiti dan pembeldahan bariatrik boleh diperlakukan untuk membantu pasangan dalam mencapai penurunan berat badan dan meningkatkan hasil kesuburan mereka. Walau bagaimanapun, langkah itu perlu mendapatkan perundungan daripada doktor terlebih dahulu untuk membantu mencapai berat badan yang sifat sebelum hamil.

Pasangan TTC di Malaysia memerlukan sejumlah besar pelaburan untuk rawatan kesuburan termasuk IVF. Sesetengah pasangan mungkin memerlukan lebih daripada satu kitaran rawatan untuk meningkatkan peluang hamil.

Walaupun sesetengah wanita yang mempunyai berat badan berlebihan boleh hamil secara semula jadi, namun keadaan obesiti berisiko meningkatkan komplikasi iaitu seperti diabetes semasa hamil, tekanan darah tinggi, praeklampisia atau bukuan darah. Dalam kes yang lebih serius, ia boleh mengakibatkan keguguran kandungan atau kelahiran mati. Kesemua komplikasi kesihatan ini boleh menjadikan kesihatan ibu keseluruhannya untuk mereka hamil dan melahirkan anak secara semula jadi pada masa hadapan.

Ibu obesiti tidak diuruskan dengan baik, anak yang dilahirkan daripada pasangan ibu bapa yang obesiti berisiko mendapat penyakit tidak berjangkit (NCD) termasuk penyakit jantung apabila dewasa kelak.

**DR. SHARIFAH NAJWA SYED AMIN HUSAINI**  
 Kensington Green Specialist Centre  
 di Iskandar Puteri, Johor

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 30**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Sukar jaga kebersihan, operasi restoran 24 jam dikaji semula

**TELUK INTAN:** Operasi restoran makaman 24 jam dikaji semula terutama melibatkan soal pengambilan makanan, keselamatan dan kebersihan yang sukar dihawal memberi risiko kepada kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan

Integriti Nasional Perak, A. Siwanesan berkata, operasi restoran makaman 24 jam boleh menyebabkan bilangan pelanggan yang tinggi selain perlu menyediakan makanan setiap masa.

Katanya, situasi itu menyebabkan pekerja restoran tidak mempunyai masa untuk membersihkan dapur me-

nyebakkannya tidak bersih.

"Ini memang tidak sihat. Mungkin kerajaan (negeri) mbenarkan dua jenis operasi pada waktu siang dan malam dengan tempoh maksimum 12 jam dan selepas waktu itu harus ditutup.

"Dia kena pilih pukul berapa sampai pukul berapa tetapi beroperasi hanya 12 jam," katanya

pada Majlis Pelancaran War On Sugar Peringkat Negeri Perak dan Program Kesihatan Warga Emas di Hospital Teluk Intan (HTI) di sini, semalam.

Katanya, waktu operasi restoran 24 jam ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan akan membawa perkara itu semasa mesyuarat kerajaan negeri.

"Kebanyakan restoran Cina pukul 9 hingga 10 malam sudah tutup yang membolehkan mereka mempunyai masa untuk membersihannya," katanya.

Menurutnya, operasi restoran makaman 24 jam turut menggalakkan amalan pemakanan seseorang yang tidak mengikut waktu yang sesuai.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NATION

2 Nation

THE STAR, WEDNESDAY 20 NOVEMBER 2024

## Group hails Pahang Sultan's call to ban vaping

**GEORGE TOWN:** The Consumers' Association of Penang (CAP) hopes the Health Ministry will heed the advice of the Sultan of Pahang, Al-Sultan Abdullah Riayaduddin Al-Mustafa Billah Shah, who suggested that the use of electronic cigarettes or vapes be completely banned.

Its education officer, NV Sabbaroo, said his team express-

es its thanks to the Pahang Sultan for his suggestion as it can save the lives of future generations.

"The Consumers' Association of Penang is very pleased with the Sultan of Pahang's recommendation, and this is the news that we, parents and school teachers have been waiting for."

"The issue of vapes is not only in Pahang but also nationwide, so

CAP hopes the MOH will heed the Sultan of Pahang's suggestion by banning it to save the lives of future generations," he said in a statement yesterday as reported by Bernama.

On Monday, the media reported that the Pahang Sultan suggested that the use of electronic cigarettes or vapes be completely banned.

Sultan Abdullah was reported to have suggested the recommendation following his concern over the increasing drug abuse in Pahang, especially among the youth, based on statistics from the National Anti-Drug Agency.

According to the Sultan, one of the main reasons why young people fall into drug addiction, both

directly and indirectly, starts with the use of vape.

Sultan Abdullah also said vape devices are harmful to health and urged the government to impose a total ban on vaping.

**FOR MORE:**  
**See page 12**

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 10**  
**RUANGAN : NATION**

## Over RM23bil spent on meds for public hospitals, clinics

A TOTAL of RM23.23bil has been spent on buying medicine from 2015 to 2023 for public hospitals and clinics, says Datuk Seti Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said over the past eight years, the medication-related expenses have increased by 30%.

"The increase in financial allocation aligns with the rising cost of medications, the growing number of patients and the use of new medications, which are typically still under patent and more expensive," he said.

Dzulkefly added that the expenditure on medication will increase every year.

According to the year-on-year data, the highest amount was in 2022 (RM3,193.15mil) and the lowest was in 2016 at RM2,107.61mil.

The minister was responding to a question from Azli Yusof (PH-Sabah Alam) about the total annual expenditure on medicines for public hospitals and clinics since 2015.

Azli also asked about the ministry's plans to ensure the country's medicine supply security through the development of technology and local production capacity.

To this, Dzulkefly said the ministry would enhance supply chain transparency through the development of a pharmaceutical

product tracking and tracing system.

"The availability of medicines listed in the National Essential Medicines List will encourage more local manufacturing and give priority to registration and evaluation of medicinal products," he said.

He added that the ministry is collaborating with all stakeholders within the pharmaceutical ecosystem, including various ministries, public agencies and the private sector, particularly industry players.

"Through these engagement sessions, we will identify the strengths and benefits of the local

pharmaceutical industry based on the Asean Drug Security and Self-Reliance plan," he said.

On the issue of insulin supply for diabetes, Dzulkefly said the shortage in August last year was due to production problems from the supply company, Biocon.

He said the ministry will avoid sourcing insulin from one company in the future for human insulin and is currently negotiating with other companies.

"We are also exploring other medications or anti-hyperglycemic and hypoglycemic agents to expand our sources," he said in a supplementary question by Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus).

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 12**  
**RUANGAN : NATION**

12 Views

THE STAR, WEDNESDAY 20 NOVEMBER 2024

FORTY-SIX years and two days. It has been that long since I kicked the noxious habit. The last cigarette was crushed just after three puffs at 6pm on Nov 18, 1978.

For smokers, it is one of the most difficult things to do because nicotine, the main stimulant in cigarettes, is highly addictive.

Research has shown that it is the third most addictive drug after heroin and cocaine.

It triggers the brain to release neurotransmitters such as dopamine, beta-endorphin and serotonin, which regulate pleasure, mood, emotion and pain relief.

Withdrawal symptoms can be severe and might last for weeks or months. They include irritation, depression, anxiety, inability to focus and restlessness.

Not many people have the will-power to overcome the torment.

Although the prevalence of smoking has dropped from 23.3% to 19% from 2011 to 2023, tobacco use continues to be an epidemic in Malaysia, especially with the soaring rise in vaping among young people.

The age of initiation for smoking is also getting younger, which leads to increased nicotine dependence and other high-risk behaviours, including drug abuse.

According to the 2023 Global Adult Tobacco Survey (GATS) released by the Health Ministry in May, the usage of both tobacco and e-cigarettes rose from 0.8% to 3.9% during the period – a 387.5% rise.

Vaping skyrocketed even higher by 625%, with 5.8% of people aged 15 and above using e-cigarettes, compared with only 0.8% in 2011.

The three main reasons cited for vaping were the variety of flavours from e-cigarettes; more enjoyment and the perception of lower risks from vaping com-

# Ways to reduce the smoking scourge

The biggest challenge facing Act 852 is ensuring consistent and effective enforcement.



## Along the watchtower

pared with cigarettes.

The GATS survey also revealed that the number of smokers who had quit and those who had tried to quit over the past year had remained stagnant.

There's no denying that smoking is a deadly habit.

Besides nicotine, cigarettes have 7,000 other chemicals, including 69 which are known to cause cancer.

Tobacco use now leads to 17% of all deaths in the country.

On average, 29,457 Malaysians die from smoking each year – that's more than 80 people daily.

Smoking is also a major risk factor for the four main non-communicable diseases: cancer, heart disease, respiratory disease and diabetes. The economic cost is also substantial.

The country has been paying a very high price for its addictions in the form of healthcare expenses for treatment of smoking-related diseases, medication and loss of productivity due to illnesses and premature deaths. These amount to a whopping RM15.8bil every year and are expected to go higher.

Health Minister Darukkely Ahmad told the Dewan Rakyat last week that the cost of treating e-cigarette and vaping product use-associated injuries (EVAl) could spike up to RM16.6bil a year by 2030, citing a case where RM150,892 was spent on one patient wardied for 12 days in a hospital.

Yet, Malaysians spent a colossal RM4bil on tobacco products last year.

For smokers in the 340 lower income category, the money burnt through smoking and vaping results in a major financial strain for families that need to rise out of poverty.

The government is banking on the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024, also known as Act 852, to reduce the national rampage of smoking and vaping. It was passed by Parliament in November last year but only came into effect on Oct 1 this year, nine months after

being gazetted.

Act 852 includes regulations on the sale, packaging and labelling of smoking products, and restrictions on smoking in public places. It also bars the sale of smoking products to minors.

Among the aims of the new law is to control the use of electronic cigarettes, which was previously unregulated, especially among younger people.

The law also stipulates that health warnings must be displayed on packaging for both nicotine and non-nicotine vape products, like for regular cigarette packs.

There are now 28 non-smoking areas compared with only 23 under the Food Act's Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2018.

While some parts of Act 852 will be enforced in phases, the ban on smoking and vaping in specific areas is already in force. Dr Dzuleiky has expressed confidence that the prevalence of smoking can drop to below 15% next year from the current 19% with the enforcement of Act 852.

According to Health deputy director-general Datuk Dr Norhayati Rosli, 2,548 warning notices have been issued since Act 852 came into force, while three compound notices were also issued

for smoking in areas where smoking is prohibited.

The ministry has so far conducted 108 operations and checked 2,930 premises during routine enforcement of the smoking ban at eateries, restaurants and public places.

But going by past experience, enforcing smoking bans has largely been lax, especially in eateries and night spots.

Friends who frequent pubs, for example, say that people still puff away in these places, despite the prominently displayed "No Smoking/No Vaping" signs.

In our enforcement agencies have the necessary resources, including personnel and funding, to monitor and penalise violators effectively across the country?

The Health Ministry must keep in mind that the biggest challenge facing Act 852 is ensuring unswerving and efectual enforcement.

And like always in Malaysia, there is a risk of enforcement officers being bullied to overlook violations, which undermines the potency of the law.

Much more also needs to be done to educate people, both users of tobacco and e-cigarettes, on the importance of abiding to the new law.

Addressing these challenges requires concerted effort from the government, public health organisations and communities to ensure that Act 852 achieves the intended goals of reducing smoking and protecting public health.

Media consultant M. Veera Pandiyar likes this observation by Spanish-American philosopher George Santayana: Habit is stronger than reason. The views expressed here are entirely the writer's own.

**AKHBAR : THE SUN**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NATIONAL**

WEDNESDAY | NOV 29, 2024  
**4 NATIONAL**



## Call for stricter monitoring of food handlers

» Experts urge mandatory typhoid vaccination and display of health certificates to protect consumers

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI  
qrnabilla@thesundail.com

PETALING JAYA: With a stream of viral videos on social media platforms showing unhygienic practices among food handlers, experts are calling for strict monitoring to ensure they have been vaccinated against typhoid and display a health certificate as proof of compliance.

Universiti Putra Malaysia department of food service and management food safety expert Dr Noor Azira Abdul Manan said selling dirty or contaminated food not only endangers consumer health but also compromises business integrity.

"Eating money from unsafe food practices is dishonest and unethical as they should know their responsibility to serve safe and clean dishes to customers."

Noor Azira said under the Food Hygiene Regulations 2010, enforced by the Health Ministry, it is mandatory for all food handlers, including street vendors and those at hospitals, schools and even home-based ones, to be vaccinated against typhoid.

She said typhoid vaccines prevent contracting the fever caused by Salmonella Typhi (S. Typhi), a bacterium that some food handlers, who come into contact with food, water and utensils, may carry.

"Food handlers may have the bacterium without showing symptoms of foodborne illness, but they can still transmit S. Typhi to food, potentially causing consumers to be poisoned. Getting vaccinated also reduces the risk of contracting the bacterium from other sources."

Noor Azira said displaying proof of vaccination would enhance customer confidence and trust, assuring them that the food is clean and safe.

The type of proof varies depending on the clinic, with most issuing a small booklet containing details such as the recipient's name, identity card number and vaccination date.

"The authorities could also issue special badges to vaccinated food handlers to further instil consumer trust," she said, adding that



Noor Azira said displaying proof of vaccination would enhance customer confidence and trust, assuring them that the food is clean and safe. — ADAM AMIR HAMZAH/THE SUN

while the typhoid vaccine should be taken every three years, some individuals fail to get re-vaccinated when necessary.

Some food handlers who have never experienced serious illness may believe they are healthy and do not need the vaccine.

"While monitoring food handlers is challenging, efforts should include making vaccination a requirement for licence applications and authorities must frequently conduct random checks at food premises, rather than only responding to complaints," she said.

Universiti Kebangsaan Malaysia Public Health Medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh estimated that about 20% of food handlers in Malaysia might not have taken the typhoid vaccine, particularly food peddlers who operate without proper licensing.

"With the current financial struggles, many have turned to selling food and drinks, sometimes using semi-boiled or unboiled water to cut costs. Their items are sold in unhygienic conditions, which is heartbreaking, but desperation drives them to do it."

Sharifa Ezat said typhoid is a potentially

life-threatening disease that requires prompt treatment with antibiotics.

S. Typhi can persist in a person's gallbladder without causing symptoms, making the individual a chronic carrier and remaining contagious even after recovering.

"This is why food handlers are especially encouraged to get vaccinated because their role involves frequent contact with food and utensils, which increases the risk of spreading the bacteria. Children are particularly vulnerable."

Sharifa Ezat said untreated typhoid can lead to serious complications such as internal bleeding, intestinal perforation, a swelling or ruptured gallbladder, brain swelling, respiratory problems or bone inflammation.

Other severe outcomes include heart inflammation, kidney failure and miscarriage, which is why the typhoid vaccine should never be regarded as trivial and unimportant.

She added that the vaccine is available for free at all government health clinics, while private healthcare providers typically charge RM80 to RM100 for the injectable form and RM50 to RM80 for the pill form.